

Headline	Keluarga besar Nusantara		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	25 Aug 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	18	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	398 cm ²
Journalist	Safar Ahmad	AdValue	RM 15,619
Frequency	Daily	PR Value	RM 46,857



Keluarga besar Nusantara



J iwa mereka sudah sebat dengan jemaah Malaysia, malah menyifatkan hubungan dengan jemaah ibarat sebuah keluarga besar.

Bagi pembantu petugas haji (PATUH) iaitu pekerja sementara yang diambil bertugas dengan Lembaga Tabung Haji (TH) setiap tahun, bertugas membantu urusan haji membabitkan jemaah Malaysia adalah pengalaman paling bermakna.

Mereka yang juga pemasautin di Tanah Suci dan ber- asal dari rumpun Melayu Nusantara khususnya dari Indonesia dan Selatan Thailand mengakui sifat lemah lembut dan keramahan jemaah Malaysia menjadikan mereka seronok menabur bakti.

Hamdi Ismail Baheh, 39, antara 270 PATUH yang ber- khidmat dengan TH berkata, walaupun dia bersama jemaah hanya sekira 45 hari saja tetapi dia berasa seperti berada bersama keluarga sendiri.

"Bayangkan dalam tem-

poh musim haji ini kita tidur di bawah satu bumbung dan melakukan aktiviti bersama, rasa sangat rapat.

"Sebab itu ada jemaah yang sudah pulang ke Ma- laysia pun masih hubungi saya bertanya khabar. De- ngen kemudahan media so- sial hari ini, kita dapat ber- hubung dengan lebih mu- dah," katanya yang mem- gang ijazah Sains Penguru- san, Universiti Islam Anta- rabangsa Malaysia.

Hamdi yang sudah ber- khidmat sebagai PATUH se- jak 16 tahun lalu berkata, tu- gasnya adalah menguruskan ketibaan dan keberangkatan jemaah haji Malaysia.

Katanya, di luar musim haji, dia adalah pengarah operasi untuk urusan ibadat umrah jemaah luar negara.

"Saya memulakan tugas sebelum jemaah tiba. Sebe- lum jemaah masuk, kami akan memastikan bilik pe- nginapan berada dalam kea-

daan kemas dan teratur.

"Walaupun penat, tetapi kami bersyukur kerana mendapat tenaga dari Allah demi membantu tetamu Al- lah di Tanah Suci," katanya yang berketurunan Melayu Pattani tetapi dilahirkan di sini.

Musrifah Bukhari, 32, yang berasal dari Surabaya, Indo- nesia, sudah lima tahun tinggal di sini dan bertugas se- bagai PATUH di Pusat Ke- sihatan Syisyah iaitu pusat rawatan untuk jemaah haji Malaysia yang sakit.

"Saya memilih ber- khidmat dengan TH kerana dapat mem- bantu tetamu Al- lah," katanya yang bekerja di hotel di luar musim haji.

Mustofa Fa- thulbari, 58, pu- la adalah antara paling lama ber- khidmat sebagai PATUH iaitu selama

26 tahun.

Dia yang bertugas di pusat kesihatan turut menyifatkan berkhidmat dengan TH ad- lah sesuatu yang amat ber- harga dan suka dengan la- yanannya lemah lembut rakyat Malaysia.

Sementara itu, Abd Rah- man Bayo, 40, berkata, TH haji banyak mengajarnya menjadi seorang pekerja yang baik.

Lulusan Universiti Al-Az- har, Mesir itu berkata, dia bersyukur dapat menjadi pe- tugas TH sebagai PATUH se-jak 10 tahun lalu.

Sebelum jemaah masuk, kami akan memastikan bilik penginapan berada dalam keadaan kemas dan teratur
Hamdi

Headline	Keluarga besar Nusantara		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	25 Aug 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	18	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	398 cm ²
Journalist	Safar Ahmad	AdValue	RM 15,619
Frequency	Daily	PR Value	RM 46,857

**Pembantu
petugas haji
sudah sebatи
dengan
jemaah kita**



DARI kiri Abd Rahman, Hamdi, Mustofa dan Musrifah ketika sidang media.